

Image size: 190KB | [f Recommend](#) 0 | [f Share](#) 0 | [g Google +](#) 0 | [t Tweet](#) 0 | [e Email](#) 3



DUA orang nelayan mencari tiram dan kerang di kawasan Sungai Geting berhampiran Pantai Sri Tujuh, Tumpat semalam.

Kawasan Sungai Geting, Kelantan dicemari *Plankton Alexandrium*

Kerang, tiram disahkan beracun

Oleh YATIMIN ABDULLAH

KOTA BHARU – Jabatan Perikanan Kelantan melarang orang ramai daripada mengutip dan memakan kerang dan tiram dari kawasan sekitar Sungai Geting di sini selepas dipercayai tercemar dengan bahan beracun *Plankton Alexandrium* yang boleh mengakibatkan kematian.

Pengarahnya, Mohd. Zain Saad berkata, berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik Universiti Malaya (UM) menerusi Stesen Penyelidikan Bachok mendapati, kandungan air di sungai itu mengandungi bahan tersebut.

"Orang ramai yang termakan tiram dan kerang yang tercemar ini akan mengakibatkan keracunan dan lebih serius boleh mengakibatkan kematian.

"Justeru, saya memberi nasihat

kepada orang ramai supaya tidak memakan tiram dan kerang yang ditangkap di kawasan Sungai Geting. Saya telah mengarahkan kakitangan Jabatan Perikanan untuk membuat hebahan berhubung perkara itu," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Antara simptom-simptom termakan kerang dan tiram beracun ialah sakit kepala yang teruk dan bibir kebas.

Mohd. Zain berkata, walaupun pihaknya masih belum menerima sebarang aduan keracunan akibat memakan tiram dan kerang dari Sungai Geting itu, namun pihaknya mengambil serius perkara tersebut.

"Pihak jabatan telah menghantar sampel air dan bahan itu ke Pahang dan Universiti Kebangsaan Malaysia serta Stesen Penyelidikan UM di Bachok untuk kajian selanjutnya.

Sementara itu, seorang pen-



RAZIE menunjukkan tiram yang tidak beracun yang ditangkapnya di Pantai Sri Tujuh berdekatan Sungai Geting, Tumpat semalam.

uduk, Mohd. Shuraidi Ismail, 30, berkata, beliau sedia maklum mengenai notis amaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan itu.

"Bagi membezakan sama ada kerangan itu beracun atau tidak, kerang yang beracun akan ber-

bau seperti minyak diesel," tambahnya.

Berbeza pula bagi seorang lagi pencari tiram, Razie Ismail, 43, apabila beliau tidak lagi mencari hasil kerang dan tiram dari sungai itu selepas seorang rakannya

INFO *Plankton Alexandrium*

- Merupakan sejenis plankton (alga) yang terdapat di dalam sungai
- Ia menghasilkan toksin yang dikenali *saxitoxin* di mana ia boleh menyebabkan keracunan dan kematian
- Makhluk yang hidup di dasar laut ini tidak aktif sepanjang musim sejuk tetapi aktif pada waktu panas
- Ia membiak menerusi proses sebatian organik yang terjadi daripada karbon dioksida yang larut semasa musim panas

mengalami keracunan selepas makan kerang beracun.

Tambahnya, orang ramai tidak perlu bimbang untuk membeli tiram, lokan dan spesies lain di sini kerana makanan tersebut dikutip di Pantai Sri Tujuh dan bukannya dari Sungai Geting.